



Nukilan:
Jamilah Bebe Mohamad
Guru Bahasa Kanan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

Berbaloikah Ini?

Belunggu yang dibawa,
akhirnya memakan diri,
dalam diam bertumbuh,
tanpa sedar menguasai hati.

Wahai jiwa yang memeluk marah,
sampai bila mahu menyerah?
dendam yang disimpan bukan penawar,
tetapi luka yang digaru makin besar.

Mungkin benar kita terluka,
mungkin juga kita terasa,
namun antara marah dan reda,
ada ruang untuk kita dewasa.

Bukankah Tuhan menilai sangkaan,
antara prasangka dan pengharapan

“Aku menurut sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku....”
(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)



Kejuruteraan • Teknologi • Kreativiti

Study@UMPSA

[Creative Work](#)

Berbaloikah Ini?

14 April 2026

-
- 8 views

[View PDF](#)